

## Terma dan Syarat peraduan

### Produk Mamee

#### 1. Mamee Monster

No.1 dalam jumlah jualan di Seluruh Semenanjung Malaysia untuk segmen kategori 'Lain-Lain' didalam segmen snek.

Perkiraan *Mamee-Double Decker (M) Sdn. Bhd.* berdasarkan data yang dilaporkan oleh The Nielsen Company menerusi Audit Retail untuk Kategori Snek untuk 12 bulan berakhir Julai 2014 untuk Seluruh Semenanjung Malaysia. (Hak Cipta Terpelihara The Nielsen Company (M) Sdn Bhd).

#### 2. Mister Potato

No.1 dalam jumlah jualan di Seluruh Semenanjung Malaysia untuk segmen kategori 'Kerepek Kentang' didalam segmen snek.

Perkiraan *Mamee-Double Decker (M) Sdn. Bhd.* berdasarkan data yang dilaporkan oleh The Nielsen Company menerusi Audit Retail untuk Kategori Snek untuk 12 bulan berakhir Julai 2014 untuk Seluruh Semenanjung Malaysia. (Hak Cipta Terpelihara The Nielsen Company (M) Sdn Bhd).

### 3. Mamee Chef

Mamee Chef Cawan perisa Laksa Kari merupakan Mi Cawan Segera No.1 di dunia, seperti dinyatakan oleh [www.ramenrater.com](http://www.ramenrater.com).

## **Penganjur & Kelayakan**

4. Peraduan **'Raikan No. 1 MAMEE'**["Peraduan"] ini dianjurkan oleh Mamee Double-Decker (M) Sdn. Bhd. ["MDD" / "Pihak Penganjur"] dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 dan ke atas yang mempunyai MyKad yang sah pada 14 November 2014 ["Peserta"].
5. Individu daripada golongan berikut tidak layak menyertai Peraduan ini:

- a) Kakitangan pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan yang berkaitan dengannya] serta ahli keluarga mereka yang terdekat [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
- b) Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat SMS, facebook, pengiklanan dan/atau promosi pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga mereka yang terdekat [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].
- c) Individu-individu yang mempunyai hubung kait secara langsung dengan kakitangan pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya]

6. Terma dan syarat tambahan untuk penyertaan melalui Sistem Pesanan Ringkas [**“SMS”**]

- a) Peraduan ini dibuka kepada semua pelanggan perkhidmatan prabayar dan pascabayar Celcom, DiGi dan/atau Maxis yang juga merupakan warganegara Malaysia, berusia 18 tahun dan ke atas.
- b) RM0.30 akan dikenakan bagi setiap SMS yang diterima oleh Peserta dan apa-apa SMS yang dihantar oleh Peserta tersebut adalah tertakluk kepada kadar biasa SMS yang dikenakan oleh Penyedia Perkhidmatan Telekomunikasi yang dilangani oleh Peserta.
- c) Pembayar bil dipertanggungjawabkan oleh Pihak Penganjur terhadap sebarang tindakan yang timbul. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang salah guna nombor

KP atau telefon bimbit pembayar bil tersebut oleh mana-mana Peserta semasa menyertai Peraduan.

- d) Dengan memberi kebenaran ke atas penggunaan telefon bimbit mereka – pembayar-pembayar bil mengakui bahawa mereka adalah terikat kepada Terma dan Syarat ini.
- e) Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, istilah "**Pembayar Bil**" bermaksud pihak individu, syarikat atau entiti yang dinyatakan secara khusus dalam borang pendaftaran atau langganan yang mana permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan yang berkenaan yang telah diluluskan dan diterima oleh Pemberi Perkhidmatan Telekomunikasi tersebut.

### **Tempoh**

7. Peraduan ini akan berlangsung mulai 15 November 2014, jam 0:00:00 hingga 22 Februari 2015, jam 23:59:59 malam ["**Tempoh Peraduan**"]. Pihak Penganjur berhak membuat sebarang pindaan ke atas Tempoh Peraduan pada bila-bila masa tanpa sebarang notis. Semua penyertaan SMS atau melalui laman sesawang facebook yang diterima selepas 22 Februari 2015 akan dibatalkan.

## **Penghantaran Penyertaan & Kriteria Kelayakan**

8. Untuk menyertai Peraduan ini, peserta perlu membeli sebarang produk Mamee yang mengambil bahagian (sila lihat “**Jadual Pembelian**” atau sila rujuk ke laman sesawang berikut i) [facebook.com/misterpotatocrisps](https://www.facebook.com/misterpotatocrisps) ii) [facebook.com/mymameemonster](https://www.facebook.com/mymameemonster) iii) [facebook.com/mymameechef](https://www.facebook.com/mymameechef)

## Jadual Pembelian dan Kod Unik

9. Para peserta di kehendaki mendapat Kod Unik dari produk-produk Mamee yang tertera di bawah.

a. Mister Potato Crisps 160g - Original, Hot & Spicy, BBQ, Tomato, Sour Cream & Onion, Fiery Hot & Spicy



b. Mamee Monster Pek Keluarga 10x25g – Perisa BBQ, Perisa Ayam



c. Mamee Chef Pek 4x72g, 4x80g - Perisa Laksa Kari, Perisa Tom Yam Thai, Perisa Ayam Pedas Shiitake





d. Mamee Chef Gold Recipe Pek Mi/Bihun 4+1x94g, 4+1x76g - Mi Kari Seribu Rasa, Bihun Kari Seribu Rasa



e. Mamee Chef Cawan 72g, 62g - Perisa Laksa Kari, Perisa Tom Yam Thai, Perisa Ayam Pedas Shiitake



f. Mamee Chef Pek Cawan 3x72g, 3x62g - Perisa Laksa Kari, Perisa Tom Yam Thai, Perisa Ayam Pedas Shiitake



**10. Bagaimana untuk mendapatkan Kod Unik pada produk-produk Mamee yang mengambil bahagian?**

- a) Mister Potato Crisps 160g : Kod unik dicetak pada penutup foil di bahagian penutup tudung.
- b) Mamee Chef Gold Resipi Pek 4 + 1x94g , dan 4 + 1x76g : Kod unik dicetak di bahagian dalam pek bungkusan atau dapatkan kad kod unik di dalam pek bungkusan.
- c) Chef Mamee Pek 4x80g , 4x72g : Kod unik dicetak di bahagian dalam pek bungkusan.
- d) Mamee Chef Cawan 72g , 62g : Kod unik dicetak di bahagian bawah cawan / produk.
- e) Mamee Monster Pek Keluarga 10x25g : Dapatkan kad kod unik di dalam pek keluarga.

11. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan dengan syarat setiap penyertaan mesti disertakan dengan kod unik produk Mamee yang mengambil bahagian:

- a) Peserta dikehendaki menyimpan kesemua Kad, Pek dan/atau Penutup Foil dicetak dengan Kod Unik yang digunakan di dalam penyertaan sebagai bukti pembelian. Jika gagal membuat demikian, pihak MDD berhak membatalkan penyertaan peserta dengan serta-merta.

12. Setiap **SATU (1)** kod unik produk Mamee yang sah layak untuk **SATU (1)** penyertaan sahaja. Sila rujuk struktur pemberian mata yang dapat diperolehi dengan setiap jawapan yang betul melalui setiap produk Mamee yang mengambil bahagian.

13. Struktur peruntukan mata seperti berikut:



MAMEE Chef Gold Recipe Pak  
5 x 80g / 5 x 72g  
**7 mata**



MAMEE Chef Pak  
5 x 80g / 5 x 72g  
**5 mata**



MAMEE Chef Cawan  
5 x 72g  
2 mata



MAMEE Chef Pek Cawan  
3 x 72g  
2 mata setiap cawan



MAMEE Monster Pek Keluarga  
10 x 25g  
3 mata



Mister Potato Crisps  
160g  
3 mata

## Cara penyertaan

14. Peserta boleh menyertai Peraduan ini melalui dua [2] cara seperti yang diterangkan di bawah:

### a) Cara 1 – Melalui Sistem Pesanan Ringkas[“SMS”]

- Untuk penyerahan penyertaan melalui SMS, para Peserta mestilah menghantar penyertaan dengan menaip mesej seperti berikut:
  - **MAMEE <jarak>Kod Unik <jarak>Jawapan <jarak>IC <jarak>Nama Penuh**
  - **Sebagai contoh: Mamee ABC12345 B 780909105999 Ali Bin Ahmad**
  - Hantarkan penyertaan melalui SMS ke **36322**
- Contoh SMS yang akan diterima oleh peserta peraduan:
- (RM0.30) TKasih. SIMPAN KOD SBG BUKTI PEMBELIAN. Tempoh Peraduan: 15 Nov 2014 – 22 Feb 2015. Jumlah Mata Harian: 1. Tertera pada terma dan syarat peraduan.
- Bukti SMS yang dihantar oleh para peserta tidak bermakna bukti bahawa SMS tersebut telah diterima oleh sistem SMS pihak Penganjur.

## **b) Cara 2 – Peraduan melalui laman sesawang FACEBOOK**

- Para peserta haruslah seorang ahli berdaftar [Facebook.com](https://www.facebook.com)["**Laman Web**"]. Sila rujuk pada polisi privasi, terma dan syarat yang akan mengikat ahli dan pengguna **Facebook.com**.
- Untuk menyertai, para peserta hendaklah 'klik' pada laman Facebook berikut i) **facebook.com/misterpotatocrisps** atau ii) **facebook.com/mymameemonster** atau iii) **facebook.com/mymameechef**
- Peserta kemudiannya boleh menyertai peraduan tersebut melalui aplikasi peraduan '**Raikan No. 1 Mamee'**.
- Peserta peraduan perlu memasuki kod unik dan jawapan semasa penyertaan melalui aplikasi ini.
- Untuk penyerahan penyertaan, para peserta perlu melengkapkan kesemua butir dengan tepat. Penyertaan yang tidak lengkap akan dibatalkan.
- Para peserta yang memasuki peraduan melalui aplikasi Facebook perlu menyimpan semua kod unik produk Mamee sebagai bukti pembelian.

15.Semua penyertaan yang lengkap dengan jawapan yang betul bersertakan kod unik yang sah akan diterima sebagai penyertaan yang layak.

## **Mata Bonus**

16. Untuk mendapatkan Mata Bonus, peserta boleh mengunjungi “Road Show” MDD dan mendapatkan kad gores mata bonus.

## **Fasa Peraduan**

17. Pertandingan dibahagikan kepada tiga (3) fasa seperti berikut:

<b><u>Tempoh</u></b>	<b><u>Fasa Peraduan</u></b>
Bulan 1	15November 2014 – 14Disember 2014
Bulan 2	15Disember 2014 –14 Januari 2015
Bulan 3	15Januari 2015 –22Februari 2015

## **Pemilihan Pemenang, Hadiah-Hadiah Peraduan dan Pengumuman Pemenang Harian**

18. Pemenang akan dipilih SETIAP HARI dan tempoh peraduan yang diambil kira adalah antara jam 0:00:00 PG -23:59:59 MLM.

19.Mata akan dijadualkan setiap hari, kemudian dimulakan semula pada jam 0:00:00 hari berikutnya.

20.Terdapat sejumlah 1,200 hadiah bagi peraduan ini yang dibahagikan kepada 12 pemenang setiap hari.

21.Hadiah (harian) terdiri daripada berikut:

- a. Hadiah Harian Utama - Telefon pintar - i Phone 6 x 1 pemenang setiap hari
- b. Hadiah Harian Kedua - Telefon pintar - Mi 1S x 1 pemenang setiap hari
- c. Hadiah Harian Ketiga - Powerbank – Mi x 10 pemenang setiap hari

22.Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang dikehendaki tetapi setiap peserta hanya layak memenangi SATU (1) hadiah sahaja di setiap fasa pertandingan.

23.Pemenang hadiah harian di setiap fasa peraduan akan ditentukan seperti berikut:

- a. Peserta dengan jumlah jawapan yang betul dengan mata terkumpul yang tertinggi akan memenangi Hadiah Harian Utama.
- b. Peserta dengan jumlah jawapan yang betul dengan mata terkumpul yang ke-dua tertinggi akan memenangi Hadiah Harian Kedua.
- c. Peserta dengan jumlah jawapan yang betul dengan mata terkumpul ke-tiga sehingga yang ke-dua belas tertinggi akan memenangi Hadiah Harian Ketiga.
- d. Jika mata yang diperolehi di antara peserta adalah seri, peserta yang menghantar jumlah penyertaan yang paling awal akan diisytiharkan sebagai pemenang.
- e. Setiap pemenang hadiah harian akan menerima panggilan (Isnin – Jumaat, jam 12 pg – 5 ptg) dari

Pihak Penganjur untuk menjawab SATU (1) soalan dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya pemenang tidak dapat menjawab soalan yang dikemukakan dengan tepat/betul, peserta yang seterusnya akan dihubungi.

- f. Pemenang hadiah harian dikehendaki mengemukakan bukti pembelian dalam tempoh TUJUH (7) hari selepas dihubungi oleh Pihak Penganjur. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kehilangan kelayakan peserta tersebut.
- g. Para pemenang harian akan diumumkan pada pukul 10 malam keesokan harinya di dalam Facebook Mister Potato, Mamee Chef dan Mamee Monster. (Contoh; Senarai nama para pemenang pada 2 hari bulan akan diumumkan pada 3 hari bulan dan begitulah seterusnya). MDD tidak akan bertanggungjawab atas kesilapan teknikal pada hos laman web, atau mana-mana pihak yang menyediakan perkhidmatan internet kepada pengguna.

24. Hadiah-hadiah yang diberikan adalah atas dasar “seperti adanya” dan pihak Penganjur berhak menukar spesifikasi dan warna hadiah yang akan diberikan. Spesifikasi hadiah-hadiah dan warna sebenar mungkin berbeza daripada visual dan imej yang terpapar pada borang peraduan dan bahan-bahan cetakan yang lain.

25. Risiko penebusan hadiah adalah di bawah tanggungan pemenang hadiah. Segala kos dan perbelanjaan yang berkaitan untuk menebus hadiah dan bagi waranti produk hadiah-hadiah daripada pengilang/pembekal adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang sendiri.

## **Kriteria Pengadilan**

26.Keputusan pengadilan / pihak penganjur adalah muktamad, terikat dan tidak berhak dipertikaikan. Sebarang bantahan dan/atau aduan melalui apa jua medium tidak akan dilayan.

## **Notis Pemenang**

27.Para pemenang akan dimaklumkan melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan panggilan telefon. Panggilan telefon akan dibuat dari Isnin hingga Jumaat, 12 tengah hari hingga 5 ptg oleh Penganjur.

28.Para pemenang mesti menyerahkan bukti pembelian kepada MDD dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dihubungi. Kemudian barulah hadiah-hadiah boleh ditebus atau dihantar kepada pemenang dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pembelian. Penebusan atau tuntutan selepas tempoh ini adalah tidak sah dan terbatal. Pihak penganjur tidak akan melayani sebarang permintaan untuk melanjutkan tempoh penebusan atau tuntutan hadiah.

29.Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan pemenang yang gagal mengikut prosedur penebusan hadiah seperti yang ditetapkan oleh pihak Penganjur. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya notis pemberitahuan kepada pemenang tidak diterima atau atas kelewatan penghantaran notis kepada pemenang yang di luar jangkauan pihak Penganjur.

30. Nama-nama pemenang akan diumumkan di laman web atau di mana-mana medium yang lain yang dianggap sesuai oleh pihak Penganjur. Jika berlaku situasi di mana pemenang tidak menerima sebarang notifikasi, notifikasi yang disiarkan di laman web atau di mana-mana medium yang bersesuaian bagi pihak Penganjur dianggap memadai dan mencukupi. Sebarang alasan oleh pemenang yang tidak menerima sebarang notifikasi tidak akan dilayan sama sekali oleh Pihak Penganjur untuk melanjutkan tempoh penebusan hadiah.
31. Pihak Penganjur berhak untuk melantik pihak ketiga untuk mengendalikan proses pengesahan para pemenang Peraduan serta bagi tujuan penghantaran hadiah-hadiah/barangan.

### **Hak Pihak Penganjur**

32. Pihak Penganjur juga tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap:
- sebarang kesilapan (termasuk kesilapan dalam makluman para pemenang peraduan), perkara yang tidak dimasukkan, gangguan, pemotongan, kecacatan, kelewatan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian, kemusnahan, pindaan, atau akses tidak sah kepada penyertaan, atau penyertaan yang hilang atau tertunda, sama ada timbul semasa operasi atau transmisi atau sebaliknya disebabkan oleh fungsi *server*, virus, pepijat atau sebab-sebab lain yang di luar kawalannya.

- Peraduan ini disediakan mengikut keadaan “sedia ada”. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya terdapat mana-mana penyertaan yang hilang, lewat atau tidak dapat diserahkan atas apa jua sebab sekalipun selain daripada kecuaiian tunggal di Pihak Penganjur. Bukti penghantaran penyertaan tidak dianggap sebagai bukti penyertaan tersebut telah diterima.
- Terma dan syarat ini dikawal selia oleh undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian yang berpunca atau sehubungan dengannya adalah tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- Pihak Penganjur dan penaja-penajanya tidak bertanggungjawab terhadap sebarang maklumat penyertaan yang tidak betul atau tidak tepat, sama ada berpunca daripada para pelanggannya atau oleh mana-mana peralatan atau pengaturcaraan yang berkaitan dengan atau digunakan dalam peraduan ini atau disebabkan sebarang kesilapan teknikal atau manusia yang mungkin berlaku sewaktu pemprosesan penyertaan dalam Peraduan ini.

33. Pihak Penganjur berhak membatalkan kelayakan para peserta secara automatik bagi sebarang penyertaan yang tidak lengkap, lewat atau tidak mempunyai bukti pembelian sah.

34. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah peraduan dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis. Semua hadiah tidak boleh ditukar milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai.

35. Peserta dan pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam peraduan ini penebusan dan/atau penggunaan hadiah/hadiah dan bersetuju melepaskan untuk melepaskan pihak Penganjur dan agensinya dari sebarang tuntutan samada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan jiwa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.

### **Publisiti**

36. Penerimaan hadiah menandakan keizinan diberi kepada pihak Penganjur dan agensinya untuk menggunakan nama dan/atau foto peserta untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau pemasaran tanpa sebarang notis dan/atau pampasan.

### **Pematuhan kepada Terma & Syarat Peraduan**

37. Di samping Terma dan Syarat ini, segala syarat dan kaedah untuk penyertaan dalam Peraduan ini seperti yang dinyatakan pada i) [facebook.com/misterpotatocrisps](https://www.facebook.com/misterpotatocrisps) atau ii) [facebook.com/mymameemonster](https://www.facebook.com/mymameemonster) atau iii) [facebook.com/mymameechef](https://www.facebook.com/mymameechef) atau sebaliknya adalah turut terikat kepada semua Peserta dan

penyertaan mereka dalam Peraduan ini.

38. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan yang melibatkan Terma dan Syarat ini dengan mana-mana terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi Peraduan ini, terma yang terkandung di berikut i) [facebook.com/misterpotatocrisps](https://www.facebook.com/misterpotatocrisps) atau ii) [facebook.com/mymameemonster](https://www.facebook.com/mymameemonster) atau iii) [facebook.com/mymameechef](https://www.facebook.com/mymameechef) akan diguna pakai.
39. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca serta bersetuju dengan semua terma dan syarat yang terkandung di sini dan akan mematuhi segala dan/atau sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur.
40. Sekiranya terdapat kekeliruan atau konflik antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu berkaitan dengan terma dan syarat, maka Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

### **Perubahan kepada Terma & Syarat**

41. Pihak Penganjur berhak untuk menukar, meminda, memotong atau menambah Terma dan Syarat Peraduan ini tanpa memberi notis terlebih dahulu pada bila-bila masa dan Para Peserta adalah terikat kepada perubahan sedemikian.

### **Penggantungan**

42. Pihak Penganjur juga berhak untuk membatalkan, mengubah suai, menggantung atau menangguhkan Peraduan ini sekiranya berlaku keadaan tidak diduga yang di luar kawalan munasabahnya.

### **Perlindungan Data**

43. Dengan mengambil bahagian di dalam pertandingan ini dan/atau membekalkan data peribadi anda kepada Pihak Penganjur, anda menjamin dan menyatakan bahawa anda telah membaca dan memahami Polisi Privasi yang dilampirkan pada Terma dan Syarat ini dan anda telah bersetuju dengan pemprosesan data peribadi anda oleh Pihak Penganjur menurut Polisi Privasi tersebut. Anda bersetuju untuk ganti rugi, membela dan mempertahankan Pihak Penganjur terhadap sebarang kerugian, ganti rugi, kos, tuntutan, tindakan, atau liabiliti yang berlaku disebabkan oleh pelanggaran jaminan yang dinyatakan di atas.

44. Penganjur mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk menyimpan data peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Sila ambil perhatian, bagaimanapun, pihak Penganjur boleh mengemukakan data peribadi Peserta jika dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang, atau dengan waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.

